



جامعة السلطان الشريف على الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Semester I, Sesi Akademik 2020/2021**

**Kertas Soalan
Peperiksaan Akhir**

Kod Kursus : SD0309
Nama Kursus : Maqasid Syariah
Peringkat Kursus : Diploma Tertinggi Kebangsaan
Masa : 3 jam

Arahan:
Jawab SEMUA soalan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SOALAN 1 (10 Markah)

(a) Maqasid Syariah adalah asas kepada segala perlakuan mukallaf dan menjadi penjana yang menggerakkan aktiviti manusia, sila jelaskan sejarah dan perkembangan ilmu ini?

(5 Markah)

(b) Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan *hifz* dan *Dharuriyyat al-Khamsah* dalam maqasid syariah?

(5 Markah)

SOALAN 2 (10 Markah)

Syariah memperuntukkan kebebasan kepada rakyat sesebuah negara Islam untuk menganuti mana-mana agama, sila terangkan maksud dan tujuan syarak mengenai perkara tersebut dengan membawakan dalil-dalil Al-Qur'an berserta contoh pada zaman Rasulullah *salallahu 'alaihi wa sallam* dan sahabat Baginda.

SOALAN 3 (10 Markah)

Kesalahan murtad adalah jenayah yang paling besar di dalam Islam.

Sila nyatakan langkah-langkah yang perlu dibuat bagi menangani jenayah ini.

SOALAN 4 (10 Markah)

Para ulama berselisih pendapat mengenai perintah *istitabah* (tuntutan bertaubat) yang dinyatakan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dalam al-Quran kepada penjenayah murtad, sila huraikan perselisihan pendapat ulama dari segi kadar masa *istitabah* dan pelaksanaannya.

SOALAN 5 (10 Markah)

(a) Ulama telah membahagikan kaedah dan cara pemeliharaan nyawa kepada dua bahagian iaitu dari segi wujud dan dari segi 'adam. Sila huraikan maksud dua bahagian ini.

(5 Markah)

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan harta dan cara memeliharanya menurut Ulama?
(5 Markah)

SOALAN 6 (10 Markah)

- (a) Apakah faktor-faktor yang mewujudkan golongan transgender dan jelaskan dalil-dalil pengharamannya serta kesan terhadap mesyarakat?
(5 Markah)
- (b) Ulama berselisih pendapat tentang pengharaman mengucapkan tahniah kepada bukan Islam di hari perayaan ugama mereka, sila huraikan pendapat ulama-ulama yang mengharamkan dan yang mengharuskan berserta dalil?
(5 Markah)

بالتوفيق والنجاح